

Model Kehidupan Norma Baharu Pasca Pandemik Covid-19 Berasaskan ‘Malaysian Well-Being Index’: Analisis Dapatan Awal

Norziah Othman^{1*}, Nor’adha Ab Hamid², Nur Zulfah Md Abdul Salam², Mohd Farok Mat Nor², Nurkaliza Khalid³ dan Muhammad Naqib Sahrani³

¹Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Universiti Islam Selangor

²Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Selangor

³Fakulti Multimedia Kreatif dan Komputeran, Universiti Islam Selangor

*Pengarang koresponden: norziah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia termasuk Malaysia telah menjadikan kehidupan norma baharu sebagai suatu fenomena global. Amalan norma baru kehidupan dalam suasana wabak COVID-19 yang masih menular perlu diperkukuhkan dalam kalangan masyarakat dan komuniti dengan garis panduan kehidupan yang lebih jelas dan sejahtera. Budaya kehidupan baharu yang sangat asing berbanding sebelum pandemik melanda memaksa penduduk dunia berubah dan menyesuaikan diri. Artikel ini membincangkan dapatan rintis kajian pembinaan model kehidupan norma baharu pasca pandemik COVID-19 yang bertujuan menghasilkan dapatan awal sebelum kajian lapangan. Kajian berbentuk gabungan/campuran (mixed method) melibatkan data berbentuk kuantitatif dan kualitatif melalui temubual secara kumpulan berfokus dengan pihak berautoriti dan tinjauan soal selidik dengan komuniti bagi mendapatkan input bagi pembinaan model tersebut. Terdapat lapan domain yang mengukur kesejahteraan keluarga iaitu hubungan kekeluargaan, ekonomi, kesihatan, keselamatan, kerohanian, khidmat komuniti, persekitaran dan teknologi. Dapatan awal menunjukkan bahawa dalam kalangan komuniti, ekonomi keluarga mencatatkan tahap min terendah manakala keselamatan keluarga mencatatkan tahap min tertinggi. Kesenambungan infrastruktur digital bagi menyokong adaptasi teknologi baharu semasa COVID-19 adalah penting dan perlu dilaksanakan. Hasil kajian ini berupaya membantu kerajaan Malaysia mengatur strategi dalam menghadapi kehidupan norma baharu yang lebih berkesan terutamanya ketika mendepani ancaman kesihatan awam pada masa hadapan.

Kata kunci: Norma Baharu, Pasca, Pandemik, COVID-19, Malaysian Well-Being Index.

1. PENGENALAN

Penularan pandemik Covid-19 merupakan ujian daripada Tuhan dan ia adalah suatu indikator keimanan kepadaNya. Allah SWT telah menjelaskan bahawa ujian ini adalah medan penentuan sama ada seseorang hambaNya itu benar-benar beriman ataupun sebaliknya. Allah SWT telah berfirman dalam Al-Quran surah al-Ankabut ayat 2-3:

Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: “Kami beriman”, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahuinya tentang orang-orang yang berdusta.

al-Ankabut ayat 2-3

Semenjak pandemik Covid-19 melanda, penduduk di seluruh dunia termasuk di Malaysia perlu menyesuaikan diri dengan kehidupan yang berbeza berbanding sebelumnya. Cara dan gaya hidup manusia berubah dengan begitu mendadak. Pertemuan secara bersemuka telah dihadkan malah ia sebaiknya dilakukan secara dalam talian termasuk mesyuarat, aktiviti pengajaran dan pembelajaran, urusan perbankan dan sebagainya. Pandemik Covid-19 ternyata memberikan impak dan mengundang pelbagai cabaran meliputi pelbagai aspek kehidupan manusia terutamanya ekonomi, sosial, emosi dan kesihatan.

Setakat hari ini, masih belum kelihatan tanda-tanda virus Covid-19 akan terhapus secara total daripada muka bumi ini. Bagaimanapun penularan wabak ini dianggap harus diterima sebagai fasa pasca pandemik atau fasa endemik, di mana ia akan terus hidup dan menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia hari ini dan selamanya. Proses penyesuaian diri dengan pelbagai Prosedur Operasi Standard (SOP) ini diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia bagi membendung penularan wabak ini. Pembukaan semula premis perniagaan bagi meneruskan aktiviti ekonomi dalam Fasa Satu bagi Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada Ogos 2021 merupakan permulaan kepada masyarakat kembali kepada kehidupan sebelumnya namun dalam keadaan norma baharu.

Pandemik Covid-19 ternyata memberikan kesan kepada ekonomi (Sacco & De Domenico, 2021). Ramai orang telah kehilangan pekerjaan, telah diberhentikan atau direhatkan tanpa prospek yang jelas untuk kembali bekerja (Zahra, 2021). Banyak syarikat, kedai dan kilang telah ditutup kerana tidak dapat beroperasi malah terpaksa menanggung beban hutang dan kerugian. Seluruh dunia termasuk Malaysia sedang dalam peralihan ke fasa Revolusi Industri 5.0 dan pada masa yang sama tertakluk kepada kekangan pergerakan bagi membendung penularan pandemik Covid-19. Oleh itu urusan niaga secara dalam talian semakin menjadi pilihan pengguna dan ia sekaligus menjejaskan banyak peluang pekerjaan (Balakrishnan et. al., 2021).

Wabak yang melanda ini turut memberi kesan yang teruk terhadap tahap kesihatan mental masyarakat (Hsieh, et. al., 2021). Terdapat segelintir rakyat di Malaysia yang terjejas teruk kesihatan mental mereka sehingga tidak mampu untuk berfikir secara rasional (Kathirvel, 2020). Tekanan, kebimbangan, kemurungan dan akhirnya ada yang memilih untuk membunuh diri sebagai jalan penyelesaian singkat sering kita dengari berlaku di seluruh dunia termasuklah di Malaysia. Berdasarkan statistik pada tahun 2019, terdapat sebanyak 609 kes bunuh diri dicatatkan dan ia didapati meningkat kepada 631 kes pada tahun 2020 manakala dari Januari-Julai 2021 sebanyak 638 kes bunuh diri telah dilaporkan (Berita Harian, 2021).

Namun kini, selepas hampir dua tahun negara dan seluruh dunia dilanda Pandemik Covid-19, kes jangkitan dan kematian semakin menurun ekoran daripada program vaksinasi secara besar-besaran dan ubat-ubatan telah dihasilkan. Transisi dari fasa pandemik kepada endemik ini memberi implikasi terhadap kehidupan manusia oleh sebab peralihan dari tradisi yang lama kepada norma baharu, kemudiannya perlu pula beradaptasi kembali dengan gabungan di antara tradisi lama yang masih relevan dengan norma baharu.

2. SOROTAN LITERATUR

2.1 Norma Baharu Kehidupan Pasca-Pandemik COVID-19

Istilah 'norma baharu' muncul buat kali pertama ketika berlakunya krisis kewangan pada tahun 2008 (Corpuz, 2021) dengan merujuk kepada transformasi ekonomi, budaya dan

sosial yang menyebabkan demonstrasi jalanan seterusnya memberi kesan kepada persepsi kolektif dan gaya hidup individu. Impak dan kesan pandemik Covid-19 kepada tahap emosi telah diakui oleh Cheng et al (2021) dengan ia sebagai krisis kesihatan terhadap kesejahteraan manusia. Kajian yang dijalankan oleh Khalifa et. al. (2021) mendapati bahawa gangguan dalam pelbagai bidang kehidupan seperti kesihatan, pendidikan, komunikasi, perniagaan dan pekerjaan adalah berpunca akibat daripada sekatan yang dikenakan oleh kerajaan atau pihak berkuasa.

Xu Lin et al (2021) dalam kajian yang dijalankan di negara China mendapati berlaku ketidakmampuan dan kelemahan dalam amalan gaya hidup norma baharu ini. Jurang yang ketara diperhatikan daripada sudut kesediaan seseorang individu tersebut untuk menjalani kehidupan dengan amalan norma baharu. Pandemik Covid-19 telah menjadi pemangkin yang mempercepatkan proses penerimaan dan penyesuaian dengan kehidupan dalam Revolusi Industri 4.0 dan permulaan transisi kepada Revolusi Industri 5.0 (De Castro Sobrosa Neto, 2020). Covid-19 juga telah menunjukkan penggabungan dimensi siber dan fizikal adalah tidak mustahil dan telah menjadi norma baharu dalam kehidupan hari ini (Geuna, 2021).

Kajian oleh Nur Hanis et al. (2022) mendapati bahawa pandemik Covid-19 ini berupaya melambatkan pembangunan Malaysia oleh kerana kerajaan masih tidak memiliki visi tersendiri dalam mengurangkan jurang pembangunan modal insan yang melebar dalam sistem pengajian tinggi negara. Pandemik ini juga berjaya memaksa Malaysia untuk mentransformasi gaya hidup penduduknya mengikut norma baharu, sama seperti yang diamalkan di seluruh dunia.

Bagaimanapun menurut Umi Hamidaton et.al (2020), kerajaan telah melancarkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang membangun melalui pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif tanpa mengira latar belakang dan asal-usul seseorang. Ia melibatkan elemen pengukuhan hubungan dalam kalangan masyarakat untuk saling membantu dan bersatu padu sebagai asas penyatuan negara bangsa melalui pemahaman, peranan dan tingkah laku yang ditonjolkan oleh setiap individu di negara ini.

2.2 Malaysian Well-Being Index

Konsep ‘Keluarga Malaysia’ telah menjadi popular apabila ia diperkenalkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia kesembilan, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ismail Sabri bin Yaakob pada 22 Ogos 2021. Ia dianggap sebagai suatu simbol kebersamaan yang inklusif (Bernama, 2021) dalam institusi kekeluargaan secara total dalam menghadapi situasi yang mencabar masa kini terutamanya semasa fasa pasca pandemik Covid-19. Bersandarkan kepada konsep ‘Keluarga Malaysia’ ini, negara diharapkan dapat keluar daripada segala konflik demi kesejahteraan semua. Keluarga ternyata merupakan elemen pelengkap kepada sebuah masyarakat yang mampu memberikan impak kepada sesebuah negara secara tidak langsung (Muhammad Talhah et al, 2019; Enriqu et al.2007; Che Hasniza & Fatimah, 2011). Namun pelbagai cabaran yang menguji keutuhan dan keharmonian keluarga harus dilalui ketika dalam fasa endemik ini.

Terdapat perbezaan dan persamaan pada istilah keluarga sejahtera daripada perspektif Islam dan Barat. Pelbagai kaedah juga dikenalpasti boleh dijadikan panduan kepada ibu bapa dalam usaha membentuk keluarga sejahtera (Muhammad Talhah et al, 2019). Kajian yang dijalankan oleh Lina Mastura Jusoh dan Zaleha Embong (2021) mendapati cabaran terbesar dalam memperkukuh masyarakat ‘superdiversity’ di Malaysia adalah daripada aspek etnik,

agama, budaya, sosioekonomi, politik dan pendidikan. Meskipun terdapat perubahan dalam struktur sosial, bagaimanapun keluarga kekal sebagai unit masyarakat yang paling asas (Aminah & Ismahalil, 2012). Keluarga masa kini memerlukan sokongan untuk membina daya tahan ketika menghadapi cabaran hidup. Kejayaan atau kegagalan setiap unit keluarga menghadapi cabaran pelbagai tugas semasa pembangunan menentukan masa depan keluarga Malaysia.

Kesejahteraan keluarga adalah sebuah konsep multidimensi yang mendokong pelbagai aspek kehidupan seseorang individu dan keluarga (Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia, 2019). Skor Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia bagi tahun 2019 iaitu sebelum penularan pandemik Covid-19 dicatatkan pada tahap 7.72 daripada skala maksimum 10. Domain Hubungan Kekeluargaan adalah salah satu domain daripada keseluruhan lapan domain yang mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.35 diikuti oleh domain Keluarga dan Peranan Agama dan Amalan Kerohanian (8.25), domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti (8.00), domain Keselamatan Keluarga (7.86), domain Ekonomi Keluarga (7.67), domain Kesihatan Keluarga (7.44), domain Perumahan dan Persekitaran (7.35) dan domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi (6.82).

Menurut sarjana Islam al-Farabi, kebahagiaan atau kesejahteraan sesebuah keluarga memerlukan kepemimpinan yang baik iaitu peranan ibu bapa yang boleh diharapkan untuk menunaikan tanggungjawab (Nabilah & Norsaleha, 2019; Jafar al-Yasin, 1983). Beliau juga telah membahaskan hidup yang bahagia dan aman harus mengamalkan nilai-nilai keinsanan dan kemanusiaan serta tingkah laku yang baik kerana semua amalan tersebut berperanan dalam menentukan kebahagiaan di dunia dan akhirat (Shahjahan, 1985).

Namun Orem (1985) pula berpandangan bahawa kesejahteraan merujuk kepada perspektif individu terhadap kehidupan mereka termasuklah daripada aspek integrasi sosial, fizikal, mental, emosi, kerohanian dan ciri sosial. Kesejahteraan juga dapat ditakrifkan sebagai suatu keadaan harmoni dalam setiap kehidupan yang melalui pengalaman, kebahagiaan, keseronokan, kerohanian dan kegembiraan. Lucas dan Diener (2008) pula mentakrifkan kesejahteraan sebagai penilaian individu terhadap kualiti kehidupan mereka yang meliputi aspek kognitif dan aspek afektif.

Bagaimanapun, definisi ini berbeza dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang mendefinisikan kesejahteraan keluarga sebagai keadaan keluarga di suatu negara yang berada pada tahap yang selamat, sihat, selesa, harmoni dan mendamaikan (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2017).

Walaupun skor indeks bagi tahun 2019 masih berada pada tahap sederhana namun ia telah menunjukkan peningkatan sebanyak 0.39 mata berbanding 7.33 bagi indeks yang dicatatkan bagi tahun 2016. Kajian oleh Noraini et al (2014) menunjukkan sepuluh petunjuk utama yang boleh diambilkira bagi meramalkan kesejahteraan keluarga iaitu ketahanan, keselamatan, simpanan, gaya hidup sihat, masa bersama keluarga, keseimbangan kerja-keluarga, kepentingan agama, bilangan bilik tidur di rumah, hutang dan penjagaan anak.

Muhyiddin (2020) pula mendapati banyak negara yang berupaya menangani kesan pandemik Covid-19 agar masyarakat dapat produktif namun masih mengekalkan langkah pencegahan penularan wabak. Daya tahan kekeluargaan ialah kejayaan seluruh ahli keluarga dalam mengatasi kesukaran yang membolehkan mereka terus berkembang dengan kemesraan, sokongan dan perpaduan. Faktor utama sebuah keluarga mampu berdaya tahan adalah

berfikiran positif, kerohanian, persetujuan ahli keluarga, fleksibiliti, komunikasi keluarga, pengurusan kewangan, masa keluarga, rekreasi bersama, rutin dan ritual, dan rangkaian sokongan.

3. METODOLOGI

Kajian awal atau rintis melibatkan data kuantitatif diperoleh melalui instrumen kaji selidik yang dibina berdasarkan kepada kajian literatur dengan disahkan oleh dua orang pakar metod dan konten. Orang awam daripada pelbagai etnik melibatkan zon utara, timur, barat dan selatan Semenanjung Malaysia serta zon Malaysia Timur dipilih secara pensampelan rawak berstrata bagi kajian ini. Borang soal selidik diagihkan kepada responden ini bagi mendapatkan pandangan mereka berkaitan kesan pandemik Covid-19 terhadap kehidupan mereka dan gaya hidup semasa fasa endemik ini. Terdapat 8 konstruk yang dinyatakan dalam instrumen yang berasaskan kepada lapan domain kesejahteraan iaitu hubungan kekeluargaan, ekonomi keluarga, kesihatan, keselamatan, kerohanian, komuniti, persekitaran dan teknologi.

Objektif

Kajian rintis ini dilaksanakan bagi menganalisis lapan domain bagi kehidupan norma baharu dalam kalangan rakyat Malaysia.

4. PERBINCANGAN DAPATAN AWAL KAJIAN

Kajian rintis dilaksanakan pada 24 Jun sehingga 2 Julai 2023. Nilai kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi iaitu melebihi 0.6 dan dikategorikan boleh diterima serta digunapakai untuk kajian sebenar di lapangan. Jadual 1 menunjukkan nilai kebolehpercayaan bagi setiap konstruk dan tiada item yang dikeluarkan atau ditambah selepas kajian rintis ini.

Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan (Alpha Cronbach) bagi Konstruk Komuniti

No	Domain Kesejahteraan Keluarga	Bilangan Item	Nilai Alpha Cronbach
1	Hubungan Kekeluargaan	4	.666
2	Ekonomi dan Keluarga	5	.663
3	Kesihatan dan Keluarga	13	.833
4	Keselamatan dan Keluarga	6	.697
5	Keluarga dan Komuniti	6	.817
6	Keluarga dan Agama/Kerohanian	4	.651
7	Perumahan dan Persekitaran	8	.857
8	Teknologi dan Komunikasi	4	.799

Kajian rintis ini melibatkan 45 orang responden yang terdiri daripada ketua keluarga pelbagai latar belakang dan negeri bermastatutin.

Jadual 2: Taburan Kekerapan Responden mengikut Negeri Bermastautin

Negeri Bermastautin	Kekerapan	Peratus
Kedah	1	2.2
Negeri Sembilan	7	15.6
Perak	1	2.2
Pulau Pinang	1	2.2
Sabah	4	8.9
Selangor	28	62.2
Terengganu	1	2.2
Wilayah Persekutuan	2	4.4

Merujuk kepada Jadual 2 di atas, 62.2 peratus responden yang terlibat dalam kajian rintis ini merupakan ketua keluarga yang menetap di Selangor. Manakala 15.6 peratus responden menetap di Negeri Sembilan diikuti 8.9 peratus dari Sabah, 4.4 peratus dari Wilayah Persekutuan dan 2.2 peratus masing-masing dari Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Terengganu.

Jadual 3: Taburan Kekerapan Responden mengikut Bangsa


Bangsa	Kekerapan	Peratus
Melayu	39	86.7
Cina	2	4.4
India	2	4.4
Bumiputera lain	2	4.4

86.7 peratus responden adalah ketua keluarga yang berbangsa Melayu manakala selebihnya iaitu 4.4 peratus masing-masing adalah berbangsa Cina, India dan Bumiputera Lain (Jadual 3).

Jadual 4: Taburan Kekerapan Responden mengikut Status Perkahwinan

Status Perkahwinan	Kekerapan	Peratus
Bujang	2	4.4
Berkahwin	40	88.9
Ibu/Bapa Tunggal	3	6.7

88.9 peratus responden yang terlibat dalam kajian rintis ini adalah mereka yang berkahwin. Hanya 6.7 peratus adalah dalam kalangan ibu dan bapa Tunggal dan selebihnya 4.4 peratus adalah responden berstatus bujang.




Rajah 1: Carta Pai: Taburan Responden mengikut Jantina

75 peratus responden merupakan ketua keluarga dalam kalangan lelaki dan selebihnya 24 peratus adalah perempuan (Rajah 1). 66.6 peratus responden berumur dalam lingkungan 30 hingga 49 tahun dan selebihnya iaitu 26.7 peratus adalah mereka dalam kalangan yang berumur 50 tahun ke atas manakala hanya 6.7 peratus adalah mereka yang berumur 18 hingga 29 tahun (Jadual 5).

Jadual 5: Taburan Responden mengikut Umur


Umur	Kekerapan	Peratus
18 hingga 29 tahun	3	6.7
30 hingga 39 tahun	15	33.3
40 hingga 49 tahun	15	33.3
50 hingga 59 tahun	6	13.3
60 hingga 69 tahun	4	8.9
70 tahun ke atas	2	4.4

Merujuk kepada Rajah 2 di atas, 18 orang iaitu 40 peratus daripada keseluruhan 45 orang responden yang terlibat dalam kajian rintis ini bekerja di sektor swasta manakala 28.9 peratus bekerja di sektor kerajaan. 11.1 peratus masing-masing tidak bekerja dan bekerja sendiri. Manakala 8.9 peratus merupakan pesara.



Rajah 2: Carta Pai: Taburan Responden mengikut Status Pekerjaan

78 peratus responden yang terlibat dalam kajian rintis ini tinggal di kondominium atau pangsapuri manakala selebihnya 11 peratus tinggal di banglo dan rumah teres (Rajah 3).



Rajah 3: Carta Pai: Taburan Kekekapan Responden mengikut Jenis Kediaman

84.4 peratus daripada responden merupakan ketua keluarga kepada keluarga asas iaitu keluarga yang terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak dalam satu rumah.

Jadual 6: Taburan Kekekapan Responden mengikut Jenis Keluarga dan Kawasan Tempat Tinggal

Jenis Keluarga	Kekekapan	Peratus
Keluarga Asas	38	84.44
Keluarga Luas	4	9.00
Keluarga Tunggal	3	7.00
Jenis Kawasan	Kekekapan	Peratus
Bandar	33	73.00
Luar Bandar	12	27.00

9 peratus sahaja adalah keluarga luas iaitu terdiri daripada keluarga asas itu sendiri bersama dengan keluarga ibu bapa atau mertua. Hanya 7 peratus sahaja adalah mereka daripada keluarga ibu atau bapa tunggal. 73 peratus responden tinggal di bandar dan selebihnya 27 peratus tinggal di luar bandar (Jadual 6).

15.6 peratus daripada keseluruhan 45 orang responden yang terlibat dalam kajian rintis ini adalah mereka yang berpendapatan kurang RM2500. Manakala mereka yang berpendapatan RM10, 960 hingga RM15, 039 mencatatkan kekekapan kedua tertinggi iaitu 13.3 peratus.

Kos sara bulanan yang tinggi melebihi RM2000 hingga RM5000 dicatatkan melibatkan 46.6 peratus daripada keseluruhan responden. 48.9 peratus membiayai sendiri kos rawatan kesihatan manakala hanya 37.8 peratus menggunakan insurans kesihatan (Jadual 7).

Jadual 7: Taburan Kekerapan Responden mengikut Pendapatan Isi Rumah, Kos Sara Bulanan dan Jenis Pembiayaan Kesihatan

Pendapatan isi rumah	Kekerapan	Peratus
bawah RM2500	7	15.6
RM2,500 ke RM3,169	6	13.3
RM3,170 ke RM3,969	3	6.7
RM3,970 ke RM4,849	4	8.9
RM4,850 ke RM5,879	3	6.7
RM5,880 ke RM7,099	6	13.3
RM7,110 ke RM8,699	3	6.7
RM8,700 ke RM10,959	3	6.7
RM10,960 ke RM15,039	6	13.3
RM15,039 dan ke atas	4	8.9
Kos sara bulanan	Kekerapan	Peratus
Bawah RM1000	3	6.7
RM1001 hingga RM2000	8	17.8
RM2001 hingga RM3000	10	22.2
RM3001 hingga RM5000	11	24.4
RM5001 hingga RM10000	4	8.9
RM10 000 ke atas	6	13.3
7.00	3	6.7
Jenis Pembiayaan Kesihatan	Kekerapan	Peratus
sendiri	22	48.9
Insurans	17	37.8
Keluarga	1	2.2
Bantuan Pesara	5	11.1

Domain hubungan kekeluargaan dilihat sejauh mana eratnya hubungan ketua dan ahli keluarga. Seterusnya, domain ekonomi dilihat daripada aspek taraf hidup, pendapatan dan simpanan. Bagi domain kesihatan, ia dilihat daripada aspek tahap kesihatan, cara pemakanan, aktiviti riadah dan pengurusan emosi termasuk pengurusan stres ketua dan ahli keluarga. Domain keselamatan dilihat daripada aspek keselamatan di dalam dan luar rumah. Domain keluarga dan komuniti pula dilihat daripada aspek keterlibatan keluarga dengan masyarakat. Domain kerohanian atau agama dilihat daripada aspek ibadah melibatkan penglibatan di masjid atau rumah ibadah. Manakala domain persekitaran adalah ruang dalam dan luar kediaman yang dilihat daripada aspek keselesaan dalam rumah dan kemudahan asas di sekitar kediaman. Domain teknologi komunikasi pula dilihat daripada aspek kemudahan akses kepada maklumat dari luar.

Jadual 8: Min Tahap Domain Kesejahteraan Keluarga

Domain Kesejahteraan Keluarga	Min	Sisihan Piawai
Hubungan Kekeluargaan	4.1000	.72378
Ekonomi dan Keluarga	3.5422	.72941
Kesihatan dan Keluarga	3.7265	.60225
Keselamatan dan Keluarga	4.1815	.57496
Keluarga dan Komuniti	3.6444	.77574
Keluarga dan Agama/Kerohanian	3.7500	.83258
Perumahan dan Persekitaran	4.0000	.72202
Teknologi dan Komunikasi	3.6556	.89393

Berdasarkan kepada kajian rintis yang dilaksanakan terhadap komuniti, didapati bahawa purata keseluruhan bagi semua domain adalah 3.85 iaitu berada pada tahap yang sederhana. Purata keseluruhan domain yang sederhana turut ditunjukkan oleh Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Peringkat Komuniti (LPPKN 2018). Domain keselamatan dan keluarga kajian ini menunjukkan min tahap tertinggi iaitu 4.1815 (sisihan piawai 0.57496) manakala ekonomi dan keluarga menunjukkan min tahap terendah iaitu 3.5422 (sisihan piawai 0.72941). Dapatan berbeza diperoleh dalam Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga apabila domain Keluarga dan Agama memberikan purata domain tertinggi manakal domain Keluarga dan Teknologi memberikan purata domain terendah, Selepas negara diancam dengan pandemik COVID-19, tidak dinafikan kesejahteraan keluarga turut terganggu. Isu keselamatan menjadi penting dan kerajaan mengambil tindakan proaktif memastikan keselamatan rakyat terjamin. Sebaliknya kesan penularan pandemik COVID-19 yang memberi kesan negatif kepada keadaan ekonomi negara, turut memberi kesan kepada ekonomi keluarga. Namun keluarga yang mampu berfungsi dengan baik akan dapat memastikan kesejahteraan keluarga mereka terus terpelihara. Bagaimanapun, sebaliknya keluarga yang gagal menjalankan fungsinya akan terdedah kepada kepincangan yang pelbagai.

4. KESIMPULAN

Terdapat beberapa penemuan penting yang diperoleh menerusi kajian ini. Antaranya adalah pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP memberi kesan negatif kepada ekonomi keluarga. Selain itu, kajian ini juga mendapati bantuan yang disediakan oleh kerajaan telah memanfaatkan sebahagian besar komuniti. Rakyat Malaysia perlu berganding bahu untuk memulihkan negara daripada kesan-kesan pandemik COVID-19. Seluruh rakyat Malaysia perlu berusaha menyesuaikan diri dengan kehidupan norma baharu di samping mengekalkan kesejahteraan agar dapat mengecapi kehidupan yang aman dan makmur.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih dan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebagai penyedia geran penyelidikan untuk sokongan kewangan melalui FRGS Kod Projek: FRGS/1/2020/SSO/KUIS/02/1 - yang membolehkan penulis untuk menjalankan penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (2000). *Al-Mustasfa fi Ilm al-Usul*. Ed. Abdul Salam Muhammad. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Balakrishnan, B., Othman, Z., & Ahmad Zaidi, M. (2021). Review Of Ir4.0 Readiness And Adoption In Malaysian Manufacturing Sector. *International Journal Of Business And Economy*, 3(2), 24-35.
- Bernama. (2021). Kerajaan keluarga Malaysia cari kebersamaan, kesepakatan- Ismail Sabri. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2127949>
- Chapra, M. Umer. (2008). "The Islamic Vision of Development in the Light of Maqasid al-Shariah." Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank 1-55. doi:10.13140/RG.2.1.4188.5047.

- Cresswell J. W. (2009). *Research Design : Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (3rd Edition): SAGE, UK.
- De Castro Sobrosa Neto, R., Maia, J. S., de Silva Neiva, S., Scalia, M. D., & de Andrade Guerra, J. B.S. O. (2020). The fourth industrial revolution and the Coronavirus: A new era catalyzed by a virus. *Research in Globalization*.
- Geuna, A. (2021). *Resilience and Digital Disruption: Regional Competition in the Age of Industry 4.0*.
- Houghton, Catherine, Casey, Dymna, Shaw, David, et al. (2013). "Rigour in qualitative case-study research". *Nurse researcher*, 20(4).
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). "Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia." Jabatan Perangkaan Malaysia. <https://www.dosm.gov.my/v1/index>.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2022). *Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera*. Perpustakaan Negara Malaysia. ISBN 978-983-042-676-1.
- Johanson, G. A., & Brooks, G. P. (2010). Initial scale development: Sample size for pilot studies. *Educational and Psychological Measurement*, 70(3), 394-400.
- Kamal Hassan. (2020). The Malay Concept of SEJAHTERA from an Islamic Perspective: An Introduction. <https://www.iium.edu.my/centre/centris/the-malayconcept-of-sejahtera-from-an-islamic-perspective-anintroduction>.
- Kementerian Perpaduan Negara. (2021). *Dasar Perpaduan Negara*. Putrajaya: Kementerian Perpaduan Negara.
- Marohaini Mohd Yusoff. (2013). *Penyelidikan kualitatif, pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur; Penerbit Universiti Malaya.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (3rd ed). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan Edisi ke 7*. Kuala Lumpur ; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morse, J. M. (2011). Molding qualitative health research. *Qualitative Health Research*, 21(8), 1019–1021.
- Neuman, W.L. (2003). *Social research method: qualitative and quantitative approaches*. Needham Height : Allyn and Bacon.
- Noraini Idris (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Nur Hanis Mohamad Noori, Adilah Zafirah Mohd Suberi, Fathiah Zulkifli1 & Muhd Irfan Izhar. (2022). *Norma Baharu: Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Pembangunan Malaysia Sebagai Peneraju Penyelidikan dan Pusat Rujukan Serantau*. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2022.58> Vol. 3, No. 5.
- Rozmi Ismail. (2013). *Metodologi penyelidikan, teori dan praktis*. Bangi; Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramlee Ismail, Jamal @ Nordin Yunus & Hariri Kamis (2011). *Analisis data dan pentaksiran dengan menggunakan SPSS*. Kuala Lumpur; Titisian Ilham.
- Sacco, P. L., & De Domenico, M. (2021). Public health challenges and opportunities after COVID-19. *Bulletin of the World Health Organization*, 99(7), 529–535. <https://doi.org/10.2471/BLT.20.267757>
- Sekaran, U. (1992). *Research methods for business: A skill building approach* (ed ke-2). New York : Wiley & Son, Inc.
- Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee, Abdul Rashid Abdul Aziz & Asma Md. Isa. (2020). Kefahaman dan Tingkah Laku Masyarakat Terhadap Amalan Filantropi Islam Semasa Pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 5, Issue 12, (page 1 - 15).

DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.591>

- Springer Nature. Herrero, M., & Thornton, P. (2020). What can COVID-19 teach us about responding to climate change?. *The Lancet Planetary Health*, 4(5), e174.
- Zahra, S. A. (2021). International entrepreneurship in the post Covid world. *Journal of World Business*, 56(1), 101143.